

LITERASI KENEGARAAN DALAM KALANGAN KELAS MENENGAH DI LEMBAH KLANG

NURUL ILMA BINTI SOFYAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LITERASI KENEGARAAN DALAM KALANGAN
KELAS MENENGAH DI LEMBAH KLANG**

NURUL ILMA BINTI SOFYAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁹(hari bulan).....⁹ (bulan) 20..²⁵.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NURUL ILMA BINTI SOFYAN, M20221001785, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk LITERASI KENEGARAAN DALAM KALANGAN KELAS MENENGAH DI LEMBAH KLANG

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NORAZLAN HADI BIN YAACOB (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk LITERASI KENEGARAAN DALAM KALANGAN KELAS MENENGAH DI LEMBAH KLANG

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN MALAYSIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19/9/2025
Tarikh



Tandatangan Penyelia
Dr. Norazlan Hadi Yaacob
Penyarah Kanan
Jabatan Pengajian Malaysia,
Fakulti Sains Kemajuan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: LITERASI KENEGARAAN DALAM KALANGAN
KELAS MENENGAH DI LEMBAH KLANG

No. Matrik / Matric's No.: M20221001785

Saya / I: NURUL ILMA BINTI SOFYAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



(Tandatangan Penyelia/ Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi/ Official Stamp)

Tarikh: 19/09/2025

Dr. Mohamad Hadi Yusoff
Jabatan Pengajian Malaysia,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya meskipun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama Dr. Norazlan Hadi bin Yaacob, di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak membantu dan membimbing saya sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini iaitu Dr. Norhafizah binti Mohd Hed, Dr. Noor Hadzlida Binti Ayob dan Dr. Mohd Amar Aziz. Segala bimbingan, nasihat, dan sokongan yang berterusan daripada mereka telah menjadi pendorong utama dalam perjalanan penyelidikan ini. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan yang sudi berkongsi ilmu sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui tidak akan dilupakan. Terima kasih kepada pihak penaja iaitu Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah memberikan tajaan kepada saya di bawah *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada ayahanda dan ibunda yang saya kasihi, Sofyan bin Ariffin dan Norzana Binti Moen yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Titipan terima kasih buat adik beradik yang banyak memberi bantuan dan semangat sepanjang proses pengajian ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang setulusnya kepada rakan-rakan seperjuangan saya. Sepanjang proses penyediaan tesis ini, kehadiran dan sokongan mereka menjadi pendorong yang tiada ternilai. Terima kasih kerana sentiasa berada di sisi, berkongsi idea, dan memberikan dorongan semangat dalam setiap langkah perjalanan akademik ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan panduan serta wadah ilmu yang berguna untuk tatapan minda generasi yang akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang, menganalisis perbezaan tahap pengetahuan kenegaraan mengikut aliran pendidikan, serta mengkaji hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam sosioekonomi dengan tahap literasi kenegaraan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 415 responden di sekitar Lembah Klang. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk melihat peratusan dan kekerapan serta analisis inferensi iaitu dengan menggunakan jenis analisis ANOVA, korelasi dan juga Ujian-t. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang berada pada tahap sederhana. Namun, dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan antara tahap pengetahuan kenegaraan dan aliran pendidikan responden. Analisis juga mendapati bahawa terdapat hubungan positif signifikan antara penglibatan dalam ekonomi, masyarakat, dasar dan tadbir urus, dan pendidikan dengan tahap pengetahuan kenegaraan. Sebaliknya, penglibatan dalam politik dan aktivisme tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan tahap pengetahuan kenegaraan. Kesimpulannya, penglibatan bidang sosioekonomi tertentu memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang. Implikasi kajian ini diharapkan memberi nilai tambah kepada literatur sedia ada dan membantu kerajaan dalam merangka strategi yang lebih efektif untuk meningkatkan pengetahuan kenegaraan masyarakat demi menjana perpaduan dan kestabilan sosio-politik di Malaysia.





NATIONAL LITERACY AMONG THE MIDDLE CLASS IN THE KLANG VALLEY

ABSTRACT

This study aims to identify the level of national literacy of the middle class in the Klang Valley, analyze the differences in the level of national knowledge according to the educational stream, and examine the relationship between the involvement of the middle class in the socioeconomics and the level of national literacy. This study uses a quantitative approach through a questionnaire instrument that was randomly distributed to 415 respondents around the Klang Valley. The data was analyzed using descriptive analysis to see the percentage and frequency as well as inferential analysis, namely by using the type of ANOVA analysis, correlation and t-test. The results of the study show that the level of national literacy of the middle class in the Klang Valley is at a moderate level. However, the findings show that there is no significant difference between the level of national knowledge and the educational stream of the respondents. The analysis also found that there is a significant positive relationship between involvement in the economy, society, policy and governance, and education with the level of national knowledge. On the other hand, involvement in politics and activism does not show a significant relationship with the level of national knowledge. In conclusion, involvement in certain socioeconomic fields plays an important role in increasing the level of national literacy of the middle class in the Klang Valley. The implications of this study are expected to add value to existing literature and assist the government in formulating more effective strategies to increase the public's knowledge of nationalism in order to generate unity and socio-political stability in Malaysia.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Isu Literasi Kenegaraan di Malaysia	5
1.1.2 Kemunculan Kelas Menengah di Malaysia	13
1.2 Penyataan Masalah	25
1.3 Persoalan Kajian	32
1.4 Objektif Kajian	33
1.5 Hipotesis Kajian	33
1.6 Kepentingan Kajian	34
1.7 Skop Kajian	37
1.8 Definisi Operasional	40

1.8.1	Literasi Kenegaraan	40
1.8.2	Konsep Kelas/ Kelas Menengah	43
1.9	Organisasi Kajian	50
1.10	Rumusan	52

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	53
2.2	Literasi Kenegaraan	54
2.3	Kemunculan Kelas Menengah	67
2.4	Penglibatan Jelas Menengah dalam Sosioekonomi	82
2.5	Aliran Pendidikan dan Isu Kenegaraan	103
2.6	Kerangka Teoritikal	110
2.6.1	Teori Literasi Politik	111
2.6.1.1	Mobilisasi Kognitif	112
2.6.1.2	Peranan Struktur	114
2.6.1.3	Agen Sosialisasi Tradisional	115
2.7	Kerangka Teori Literasi Kenegaraan	117
2.8	Kerangka Kajian	123
2.9	Rumusan	127

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	128
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	129
3.3	Reka Bentuk Kajian	130
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	134
3.5	Lokasi kajian	139
3.6	Instrumen Kajian	143

3.7	Kajian Rintis	150
3.8	Analisis Data	153
3.8.1	Tinjauan Perpustakaan/Data Sekunder	154
3.8.2	Analisis Deskriptif	155
3.8.3	Analisis Inferensi	156
3.9	Rumusan	158

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	159
4.2	Taburan Demografi Responden	160
4.3	Tahap Pengetahuan Kenegaraan Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	172
4.3.1	Analisis Silang Literasi Kenegaraan Mengikut Jantina	179
4.3.2	Analisis Silang Literasi Kenegaraan Mengikut Tahap Pendidikan	183
4.4	Perbezaan antara Aliran Pendidikan dengan Tahap Pengetahuan Kenegaraan dalam Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	187
4.4.1	Ujian Normaliti	191
4.5	Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dalam Mempengaruhi Peningkatan Literasi Kenegaraan Di Lembah Klang	193
4.5.1	Terdapatnya Hubungan Antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dalam Ekonomi Dengan Tahap Pengetahuan Literasi Kenegaraan Di Lembah Klang	197
4.5.2	Terdapatnya Hubungan Antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dalam Masyarakat Dengan Tahap Pengetahuan Literasi Kenegaraan Di Lembah Klang	201
4.5.3	Terdapatnya Hubungan Antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dalam Dasar Dan Tadbir Urus Dengan Tahap	205

Pengetahuan Literasi Kenegaraan Di Lembah Klang

- | | | |
|-------|---|-----|
| 4.5.4 | Terdapatnya Hubungan Antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dalam Pendidikan Dengan Tahap Pengetahuan Literasi Kenegaraan Di Lembah Klang | 208 |
| 4.5.5 | Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah Dengan Tahap Literasi Kenegaraan | 211 |
| 4.6 | Rumusan | 217 |

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

- | | | |
|---------|--|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 219 |
| 5.2 | Perbincangan dan Dapatan Utama Kajian | 221 |
| 5.2.1 | Tahap Pengetahuan Kenegaraan Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang | 221 |
| 5.2.2 | Perbezaan antara Aliran Pendidikan dengan Tahap Pengetahuan Kenegaraan dalam Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang | 224 |
| 5.2.3 | Hubungan antara Penglibatan Golongan Kelas Menengah dalam Mempengaruhi Peningkatan Literasi Kenegaraan di Lembah Klang | 227 |
| 5.2.3.1 | Penglibatan dalam Ekonomi | 227 |
| 5.2.3.2 | Penglibatan dalam Masyarakat | 229 |
| 5.2.3.3 | Penglibatan dalam Dasar dan Tadbir Urus | 230 |
| 5.2.3.4 | Penglibatan dalam Pendidikan | 231 |
| 5.2.3.5 | Penglibatan dalam Politik | 233 |
| 5.2.3.6 | Penglibatan sebagai Aktivisme | 234 |
| 5.3 | Aplikasi Teori | 235 |
| 5.4 | Keterbatasan Kajian | 243 |

5.5 Implikasi Kajian	245
5.6 Cadangan Lanjutan	246
RUJUKAN	252

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.1	Indeks Penyertaan Politik Asia 2024	30
3.1	Populasi Kelas Menengah di Lembah Klang Berdasarkan Data Penduduk Malaysia 2021 Berumur 30 Tahun Keatas	138
3.2	Agihan Pendapatan, Pendapatan Isi Rumah Penengah, Purata dan Had Pendapatan mengikut Kumpulan Isi Rumah Desil, Malaysia 2022	142
3.3	Pekali Cronbach Alpha berserta dengan Petunjuk	152
3.4	Nilai Pekali Cronbach Alpha Mengikut Bahagian	153
4.1	Jantina Responden	161
4.2	Umur Responden	161
4.3	Bangsa Responden	163
4.4	Pekerjaan Responden	163
4.5	Pendapatan Isi Rumah	165
4.6	Lokasi Bermastautin	167
4.7	Tahap Pendidikan Tertinggi	168
4.8	Aliran Pendidikan Sekolah Menengah	169
4.9	Pendidikan Tinggi	170
4.10	Nama Institusi Pendidikan Tertinggi	171
4.11	Tahap Pengetahuan Kenegaraan Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	172
4.12	Peratusan Tahap Pengetahuan Kenegaraan Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	173



4.13	Analisis Silang Tahap Literasi Kenegaraan Mengikut Jantina	179
4.14	Analisis T-test Tahap Kenegaraan Mengikut Jantina	181
4.15	Analisis Silang Tahap Pengetahuan Kenegaraan Mengikut Tahap Pendidikan	183
4.16	Analisis Anova Tahap Pengetahuan Kenegaraan Mengikut Tahap Pendidikan	185
4.17	Analisis Keseluruhan Perbezaan Aliran Pendidikan dengan Tahap Pengetahuan Kenegaraan dalam Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	187
4.18	Pecahan Analisis Perbezaan Aliran Pendidikan dengan Tahap Pengetahuan Kenegaraan dalam Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	188
4.19	Ujian Normaliti bagi Analisis ANOVA	192
4.20	Penglibatan Golongan Kelas Menengah dalam Sosioekonomi	194
4.21	Keputusan Korelasi di antara Penglibatan Ekonomi dengan Literasi Kenegaraan	198
4.22	Keputusan Korelasi di antara Penglibatan Masyarakat dengan Literasi Kenegaraan	201
4.23	Keputusan korelasi di antara Penglibatan dalam Dasar dan Tadbir Urus Dengan Literasi Kenegaraan	205
4.24	Keputusan Korelasi di antara Penglibatan Pendidikan dengan Literasi Kenegaraan	209
4.25	Keputusan korelasi di antara Penglibatan Politik dengan Literasi Kenegaraan	211
4.26	Keputusan korelasi di antara penglibatan aktivisme dengan Literasi Kenegaraan	214





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Teori Literasi Kenegaraan	118
2.2	Kerangka Literasi Kenegaraan Golongan Kelas Menengah	124
3.1	Pengenal Pastian Saiz Sampel Mengikut Populasi	137
3.2	Peratusan Isi Rumah di Kawasan Bandar Mengikut Negeri, 2022	140
3.3	Pendapatan Isi Rumah Mengikut Negeri Tahun 2022	141
3.4	Carta Alir Pembangunan Instrumen	144
5.1	Kerangka Literasi Kenegaraan dalam Kalangan Golongan Kelas Menengah di Lembah Klang	236



SENARAI SINGKATAN

AKM	Akademi Kenegaraan Malaysia
COVID	<i>Coronavirus</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DOSM	Jabatan Perangkaan Negara/ <i>Department of Statistics Malaysia</i>
DPN	Dasar Pembangunan Negara
ETP	Dasar Transformasi Ekonomi/ <i>Economic Transformation Programme</i>
GPI	Guru Pendidikan Islam
GTP	Dasar Transformasi Kerajaan/ <i>Government Transformation Programme</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
M40	<i>Middle Class/ Kelas Menengah</i>
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MCKK	<i>Malay Collage Kuala Kangsar</i>
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
NTP	<i>National Transformation Policy</i>

PHD	Doktor Falsafah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SC	Sekolah Cina
SDG	<i>Sustainable Development Goal</i>
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNDP	<i>United Nations Development Programme</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YDPA	Yang di-Pertuan Agong



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian



Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, berlaku peralihan paradigma yang ketara dalam cara memahami hubungan antara individu dan negara. Konsep kedaulatan negara yang pernah dianggap mutlak kini semakin dipersoalkan serta digugat oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat (Abdifatah, 2024). Di sebalik perubahan landskap geopolitik dan sosial ini, teretusnya satu keperluan untuk memupuk satu jenis literasi baharu iaitu literasi yang bukan sahaja berkaitan dengan membaca, menulis, dan mengira, tetapi satu literasi yang lebih menyeluruh dan kompleks (Rohaizahtulamni et al. 2013; Irma Wani et al. 2021; Mastura et al. 2022;). Literasi tersebut membolehkan setiap warganegara bukan sahaja memahami tanggungjawab mereka terhadap negara, tetapi juga mampu mencorakkan hala tuju negara.





Oleh itu, literasi tersebut ialah literasi kenegaraan. Literasi kenegaraan tersebut merujuk kepada kemampuan rakyat untuk mengetahui dan menghayati prinsip-prinsip asas yang membentuk negara, termasuk sejarah, undang-undang, hak dan tanggungjawab sebagai warganegara, serta nilai-nilai dan budaya yang memupuk perpaduan dalam masyarakat berbilang etnik (Reichenbach, 2018; Nurasih, et al. 2019; Fahrurrozh, et al. 2021). Dalam konteks Malaysia, literasi kenegaraan bukan sahaja merangkumi pengetahuan mengenai Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional yang inklusif dan harmoni (Zunaida & Abdul Razaq, 2020; Mohd Azri et al., 2020; Mastura et al., 2022).

Selain itu, literasi kenegaraan ini juga merangkumi pemahaman dan pengetahuan tentang tiga elemen utama yang penting di Malaysia iaitu demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan (Harding & Kumarasingham 2022; Yang & Nur Ajrun, 2024). Literasi kenegaraan memainkan peranan penting dalam memperkukuh demokrasi berparlimen di Malaysia kerana ia memberikan rakyat pengetahuan mengenai hak, tanggungjawab, dan proses yang terlibat dalam sistem pemerintahan (Yang & Nur Ajrun, 2024). Rakyat yang berpengetahuan tentang kenegaraan akan lebih memahami bagaimana sistem demokrasi berparlimen berfungsi, termasuk cara pemilihan wakil yang membuat keputusan bagi pihak mereka. Menerusi pemahaman ini, rakyat akan menyedari kepentingan undi dan melibatkan diri secara lebih aktif dalam pilihan raya (Achmad et al. 2024).





Melalui literasi kenegaraan ini, ia membolehkan rakyat memahami peranan dan fungsi Parlimen, yang merangkumi Dewan Rakyat dan Dewan Negara, serta bagaimana setiap dewan berfungsi untuk menggubal undang-undang dan mengawasi tindakan kerajaan (San et al., 2023). Lebih penting lagi, rakyat yang mempunyai literasi kenegaraan yang tinggi dapat menyuarakan pandangan dan pendapat mereka mengenai isu-isu yang dibincangkan di parlimen, sama ada melalui media, petisyen, atau forum awam. Hal ini mendorong dialog yang sihat antara pemimpin dan rakyat, yang merupakan elemen penting dalam sistem demokrasi berparlimen (Achmad et al. 2024). Dengan meningkatkan literasi kenegaraan, masyarakat bukan sahaja lebih aktif dalam proses demokratik, tetapi juga berupaya mempertahankan hak dan kepentingan mereka, yang akhirnya membawa kepada pembentukan masyarakat yang lebih sedar, aktif, dan bertanggungjawab dalam sistem politik Malaysia (Rahmaniah et al. 2024).



Literasi kenegaraan dalam konteks raja berperlembagaan merujuk kepada pemahaman rakyat mengenai peranan dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai ketua negara dalam kerangka perlembagaan. Rakyat yang berpengetahuan tentang kenegaraan akan lebih memahami cara sistem raja berperlembagaan berfungsi, termasuk hak dan tanggungjawab mereka dalam konteks perlembagaan (Mughees et al. 2016). Menerusi literasi kenegaraan yang tinggi, individu dapat mengenal pasti peranan simbolik dan politik yang dimainkan oleh raja dalam memastikan kestabilan dan perpaduan masyarakat yang berbilang budaya dan etnik (Fatimah Zainab & Nazrul Dadziruddin, 2010; Omar Sarif et al. 2023; Syafaruddin et al. 2023).





Di samping itu, literasi kenegaraan dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan pula merujuk kepada pengetahuan berkaitan tentang sistem federalisme, pembahagian kuasa, dan doktrin pengasingan kuasa di Malaysia (Raja Nur Alaini, 2012; Rasyikah, 2018; Begum et al. 2023; Yang & Nur Ajrung, 2024; Chng, 2022). Dalam sistem federalisme Malaysia, Perlembagaan Persekutuan telah mengagihkan kuasa dan tanggungjawab antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Oleh itu, rakyat perlu memahami struktur dan fungsi setiap peringkat pemerintahan (Begum et al. 2023). Hanya melalui literasi kenegaraan sahaja rakyat akan lebih sedar tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara, dan bagaimana penglibatan mereka dalam proses politik dapat mempengaruhi keputusan yang diambil di peringkat negeri dan persekutuan (Prayugo & Prayitno, 2022). Dengan literasi kenegaraan yang tinggi, individu dapat mengenali bagaimana kerajaan persekutuan bertanggungjawab terhadap isu-isu yang lebih luas, seperti pertahanan dan dasar luar berfungsi secara berasingan daripada kerajaan negeri yang mengendalikan hal-hal yang lebih spesifik, seperti pendidikan dan kesihatan (Begum et al. 2023).

Doktrin pengasingan kuasa pula menekankan kepada tiga cabang pemerintahan iaitu eksekutif, legislatif, dan judisiari (Chng, 2022). Ketiga-tiga cabang ini harus berfungsi secara berasingan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa. Literasi kenegaraan membantu rakyat memahami bagaimana setiap cabang ini bekerja dan berinteraksi dalam konteks federalisme. Secara keseluruhannya, literasi kenegaraan yang kukuh membolehkan rakyat Malaysia memahami dengan lebih baik amalan federalisme, pembahagian kuasa di antara kerajaan persekutuan dan negeri, serta doktrin pengasingan kuasa (Raja Nur Alaini, 2012). Hal ini bukan sahaja memupuk penglibatan aktif dalam proses politik, tetapi juga menggalakkan rakyat untuk





berperanan secara positif dalam menjaga dan mempertahankan sistem demokrasi yang saksama dan berfungsi dengan baik dalam konteks Malaysia yang berbilang etnik dan budaya (Prayugo & Prayitno, 2022).

1.1.1 Isu Literasi Kenegaraan di Malaysia

Literasi kenegaraan di Malaysia dapat dilihat melalui perkembangan ilmu kenegaraan di Malaysia. Pada awal pembentukan negara, kerajaan Malaysia menyedari bahawa untuk membina sebuah negara yang stabil dan harmoni, adalah penting untuk memastikan rakyat mempunyai pemahaman yang mendalam tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara (Shamrahayu, 2018).



Antara langkah utama kerajaan dalam memupuk literasi kenegaraan adalah melalui pelaksanaan Rukun Negara, yang diperkenalkan pada tahun 1970. Ia merupakan salah satu inisiatif penting dalam pembangunan literasi kenegaraan di Malaysia. Ia berperanan sebagai prinsip panduan bagi rakyat dalam menghayati nilai-nilai perpaduan, kepercayaan kepada Tuhan, dan kesetiaan kepada negara (Mohd Mahadee et al, 2019). Sejarah penubuhan Rukun Negara bermula selepas dari rusuhan kaum yang berlaku di Kuala Lumpur antaranya adalah disebabkan oleh perayaan kemenangan parti pembangkang secara berlebihan. Sebelum kesannya menjadi lebih serius, kerajaan segera bertindak untuk mengawal ketenteraman awam dengan mengisytiharkan darurat. Tragedi ini, yang dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei 1969, mengorbankan 1969 nyawa (Rokimin, 2006; Ahmad Zaharuddin Sani, 2009; Abdul Rahman, 2010; Noor' Ashikin, et al. 2021; Mohd. Azri, et al. 2021).





Akibat dari situasi ini, Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mengisytiharkan darurat, menyebabkan penggantungan fungsi Parlimen dan pembentukan MAGERAN. Parlimen digantung pada 16 Mei 1969 dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri, mengambil alih pentadbiran negara. MAGERAN kemudiannya menubuhkan Majlis Perundingan Negara yang berperanan sebagai badan yang mengatur strategi perpaduan negara. Salah satu hasil usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Negara ini adalah penggubalan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan sebagai satu pendekatan baharu untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang stabil. Rukun Negara diisytiharkan secara rasmi pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong (Mohd. Azri, et al. 2021). Rukun Negara diperkenalkan sebagai asas penyatuan dan pembangunan perasaan serta semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat (Abdul Rahman, 2010; Mohamed Azam, 2019; Mohd. Azri, et al. 2021).



Rukun Negara juga berfungsi untuk memperkukuh identiti nasional dengan menekankan pentingnya setiap warganegara mematuhi dan menghormati sistem undang-undang serta kedaulatan perlembagaan. Melalui penyebaran dan penghayatan Rukun Negara, rakyat didorong untuk terlibat secara aktif dalam proses demokrasi dan pembangunan negara, mewujudkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan peka terhadap isu-isu kenegaraan. Rukun Negara sebagai alat literasi kenegaraan yang berkesan membantu melahirkan generasi yang bukan sahaja berpengetahuan tentang sejarah, undang-undang, dan sistem pemerintahan negara, tetapi juga generasi yang bangga dengan identiti nasional mereka dan bersedia untuk menyumbang kepada kemajuan dan kestabilan negara (Rokimin, 2006; Abdul Rahman, 2010; Mohamed





Azam, 2019; Mohd. Azri, et al. 2021, Noor' Ashikin, et al. 2021; Mohd. Azri, et al. 2021).

Usaha mengukuhkan literasi kenegaraan di Malaysia dapat dilihat melalui pelbagai dasar kerajaan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Usaha kerajaan dalam melaksanakan pelbagai dasar, termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menunjukkan bahawa walaupun terdapat kemajuan, masih terdapat kekurangan dalam meningkatkan literasi kenegaraan di kalangan masyarakat (Mohammad Mustafa Ishak, 2014). Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan satu inisiatif sosioekonomi di Malaysia yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1990). Program ini digagaskan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, sebagai tindak balas kepada tragedi 13 Mei 1969. Meskipun dasar ini berorientasikan ekonomi secara dasarnya, namun objektif utama DEB adalah untuk keseimbangan politik, iaitu untuk mencapai perpaduan dalam negara (Zainal Abidin, 2009; Mohamad Asrol et al. 2014; Hasnah, 2018; Mohd. Azri, et al. 2021).

Rancangan pembangunan yang dilaksanakan di bawah DEB dirancang dan dilaksanakan melalui strategi serampang dua mata iaitu yang untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan dengan meningkatkan peluang pekerjaan bagi semua rakyat tanpa mengira latar belakang kaum serta penyusunan semula sosial bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengelompokan kaum berdasarkan fungsi-fungsi ekonomi (Zainal Abidin, 2009; Mohamad Asrol et al. 2014; Hasnah, 2018). Namun begitu, matlamat utama DEB untuk mencapai integrasi nasional masih belum dikecapi sepenuhnya. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam sembilan cabaran strategik Wawasan 2020 yang meletakkan Bangsa Malaysia sebagai cabaran paling asas





yang perlu diselesaikan bagi merealisasikan sasaran menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian sepenuhnya pada tahun 2020 (Mohammad Mustafa Ishak, 2014).

Seterusnya, usaha lain kerajaan dapat dilihat juga melalui pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar ini bertujuan untuk mengharmonikan dan menyatukan pelbagai budaya yang wujud di Malaysia, dengan menekankan pentingnya nilai-nilai budaya yang mencerminkan identiti nasional. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan muncul sebagai reaksi terhadap kebangkitan nasionalisme Melayu yang meningkat selepas peristiwa 13 Mei 1969 (Hirdawati, 2017). Namun, pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini tidak terlepas daripada cabaran dan konflik, dan ia sering menjadi isu yang kritikal dalam usaha memperkukuh literasi kenegaraan di negara ini. Pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 ini telah bertukar menjadi isu kritikal dalam pengukuhan literasi kenegaraan di Malaysia. Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini hanyalah berfungsi untuk menampung pasang surut dalam peningkatan nasionalisme Melayu yang telah muncul semula selepas peristiwa 13 Mei 1969. Namun begitu, ia tetap menjadi satu pelan tindakan yang tidak pernah dilaksanakan (Mohammad Mustafa Ishak, 2014; Hirdawati, 2017).

Seterusnya, usaha ini diteruskan menerusi pelaksanaan Dasar Kebudayaan Negara (2021) dan Dasar Perpaduan Negara (2021) yang baru, tumpuan diberikan untuk meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan terhadap perlembagaan persekutuan dan rukun negara sebagai asas amalan hidup serta meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah terhadap sejarah Malaysia (Dasar Perpaduan Negara, 2021). Dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Negara dan Dasar Perpaduan Nasional yang baru, tumpuan diberikan untuk meningkatkan literasi, pemahaman, dan





penghayatan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup. Dasar-dasar ini bertujuan untuk memperkukuh jati diri nasional dan mempromosikan nilai-nilai perpaduan di kalangan seluruh rakyat Malaysia (Dasar Perpaduan Negara, 2021). Dengan memberikan penekanan kepada pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan, rakyat diharapkan dapat menghargai hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara negara ini (Prayugo & Prayitno, 2022).

Kerajaan memahami bahawa untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kenegaraan yang timbul dalam masyarakat yang berbilang kaum, adalah penting untuk membangunkan dasar-dasar yang mampu memupuk literasi kenegaraan dalam kalangan rakyat. Dalam konteks ini, kesemua dasar yang telah dibincangkan tersebut memberi tumpuan kepada pengukuhan pemahaman rakyat tentang asas-asas negara serta nilai-nilai fundamental yang membentuk identiti nasional. Tambahan pula, pelaksanaan dasar-dasar ini juga berperanan dalam membina rasa saling menghormati dan memahami antara pelbagai etnik di Malaysia. Apabila rakyat diberikan pendedahan yang mencukupi tentang sejarah negara dan nilai-nilai kebudayaan yang berbeza, mereka akan mampu mengenali dan menghargai peranan masing-masing dalam memperkukuh perpaduan nasional. Melalui langkah-langkah strategik ini, kerajaan sentiasa berusaha memastikan bahawa literasi kenegaraan di seluruh lapisan masyarakat dapat diperkukuhkan, sekali gus menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan dengan identiti, perpaduan, dan keselamatan negara (Gomez & Saravanamuttu, 2013).

Selain daripada dasar-dasar yang telah diperkenalkan, perkembangan literasi kenegaraan di Malaysia juga dapat dilihat melalui pendidikan. Pendidikan kenegaraan





mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan formal yang bertujuan untuk memupuk kesedaran nasional dan nilai-nilai kebangsaan di kalangan rakyat. Kurikulum pendidikan awal memberi penekanan kepada sejarah, budaya, dan undang-undang negara, bertujuan supaya generasi muda memahami latar belakang dan nilai yang menjadi asas kepada keharmonian dalam masyarakat pelbagai kaum (Wan Zulkifli & Firdaus, 2024). Selain itu, melalui pendidikan kenegaraan ini juga mempunyai peranan penting dalam membentuk kesedaran dan identiti nasional, kerana ia membolehkan generasi muda memahami sejarah negara serta perkembangan sosiopolitik yang mempengaruhi kehidupan seharian mereka (Inayah Junika & Mas Fierna, 2024).

Selain daripada dasar-dasar yang telah diperkenalkan, usaha untuk meningkatkan pengetahuan kenegaraan di Malaysia juga dapat dilihat melalui proses pendidikan. Pendidikan kenegaraan mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan formal yang bertujuan untuk memupuk kesedaran nasional dan nilai-nilai kebangsaan di kalangan rakyat. Kurikulum pendidikan awal memberi penekanan kepada sejarah, budaya, dan undang-undang negara, bertujuan supaya generasi muda memahami latar belakang dan nilai yang menjadi asas kepada keharmonian dalam masyarakat pelbagai kaum (Wan Zulkifli & Firdaus, 2024). Selain itu, melalui pendidikan kenegaraan ini juga mempunyai peranan penting dalam membentuk kesedaran dan identiti nasional, kerana ia membolehkan generasi muda memahami sejarah negara serta perkembangan sosiopolitik yang mempengaruhi kehidupan seharian mereka (Inayah Junika & Mas Fierna, 2024).

Usaha lain yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi memperkukuhkan lagi literasi kenegaraan adalah dengan mewujudkan Program Latihan Khidmat Negara





(PLKN) sebagai program yang menyediakan modul latihan selama tiga bulan. Program ini merangkumi pelbagai elemen, termasuk modul fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter, dan khidmat komuniti. Struktur PLKN melibatkan latihan asas ketenteraan yang merangkumi aspek kepimpinan, ketahanan diri, keyakinan, dan pembinaan kumpulan atau pasukan (Berita Harian, 2024, 6 Disember; Kosmo, 2024, 7 Disember).

Melalui elemen kenegaraan dalam PLKN, peserta didedahkan kepada sejarah negara, kedaulatan dan maruah negara, struktur dan sistem dunia, isu-isu antarabangsa, serta ancaman keselamatan dan ketahanan nasional. Program ini bertujuan untuk membina kesedaran di kalangan generasi muda mengenai tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang aktif, serta meningkatkan pemahaman mereka tentang kepentingan perpaduan dan kerjasama dalam masyarakat yang pelbagai (Nur-Raffida, 2008; Mohd. Mahadee et al. 2014; Ismail et al. 2020; Mohd Kamarul Amree et al. 2023).

Selain daripada Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), usaha lain yang telah dijalankan oleh kerajaan bagi memperkukuhkan literasi kenegaraan di Malaysia adalah dengan menubuhkan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM). Akademi Kenegaraan Malaysia merupakan sebuah institusi latihan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berperanan dalam menerajui hal ehwal kenegaraan ke arah pembinaan negara bangsa. AKM berfungsi sebagai agensi pusat yang mengkoordinasi latihan kenegaraan dan menganjurkan pelbagai program untuk mengukuhkan semangat patriotisme, disiplin, dan integriti di kalangan kumpulan sasaran yang lebih luas dan menyeluruh. Langkah penubuhan AKM adalah selaras dengan konsep Malaysia MADANI, yang bertujuan untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang





lebih maju serta makmur demi kesejahteraan dan perpaduan negara. Dengan memberikan fokus kepada pengajaran nilai-nilai kebangsaan dan pemahaman tentang Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara, AKM bertujuan untuk memperkasa literasi kenegaraan dalam kalangan rakyat Malaysia (Akademi Kenegaraan Malaysia, 2024).

Namun begitu, pengetahuan kenegaraan juga berkait rapat dengan kemajuan teknologi dan media sosial juga telah mengubah cara maklumat disebarkan dan diperolehi. Seperti mana media baharu memainkan peranan penting dalam pembentukan pengetahuan kepada masyarakat, media baharu telah menjadi komponen tambahan dalam literasi kenegaraan yang membolehkan individu untuk memahami, menilai, dan berinteraksi dengan maklumat yang diterima dengan bijak (Martinsson, 2009). Namun, ancaman media baharu terhadap literasi kenegaraan semakin ketara dalam era digital ini, di mana maklumat yang tidak tepat dan berita palsu dengan mudah tersebar melalui platform sosial, mengakibatkan kekeliruan di kalangan warganegara mengenai hak, tanggungjawab, dan nilai-nilai yang membentuk identiti negara (Martinsson, 2009). Kebergantungan kepada sumber maklumat yang tidak sahkan ini boleh menjejaskan pemahaman masyarakat tentang prinsip-prinsip asas kenegaraan dan melemahkan semangat patriotisme, sehingga mengurangkan kesedaran sivik dan penglibatan aktif dalam proses demokratik (Dewi & Elfiandri, 2024).

Pada masa yang sama juga, perubahan dalam kelas sosial telah menjadi salah satu isu dan cabaran perpaduan dalam Dasar Perpaduan Negara (Dasar Perpaduan Negara, 2021). Tidak dapat dinafikan bahawa setiap sistem sosial masyarakat mempunyai hierarki kelas sosial yang disebabkan oleh struktur etnik, keturunan,





jawatan, mahupun ekonomi. Isu ini sering kali menimbulkan ketegangan yang boleh mengganggu perpaduan antara pelbagai etnik, dan seharusnya tidak dijadikan penghalang kepada perpaduan. Perpaduan dalam kelas sosial ini perlu diuruskan dengan mencipta tapak integrasi yang memenuhi keperluan dan tujuan masyarakat meliputi kelas sosial (Nor Azam, 2017; Crouch, 2019).

1.1.2 Kemunculan Kelas Menengah di Malaysia

Kelas sosial di Malaysia ditentukan oleh beberapa faktor seperti pendapatan, pendidikan, pekerjaan, dan latar belakang etnik. Malaysia adalah sebuah negara yang sangat beragam dari segi etnik dan budaya, yang menjadikan struktur kelas sosialnya unik. Kelas sosial merujuk kepada struktur hierarki yang membentuk masyarakat berdasarkan perbezaan-perbezaan seperti pendapatan, pendidikan, pekerjaan, status, dan cara memperoleh sumber kepada sumber daya (Kerbo, 2012). Ia merangkumi kumpulan-kumpulan yang berbeza dalam masyarakat yang sering kali mempunyai akses yang berbeza kepada peluang dan kelebihan sosial, ekonomi, dan politik. Kelas sosial sering kali terbahagi kepada beberapa lapisan, seperti kelas atas, kelas menengah, dan kelas bawah. Kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan individu dalam kelas-kelas ini termasuk pendapatan, pendidikan, dan pekerjaan, tetapi juga boleh merangkumi aspek-aspek lain seperti gaya hidup, kebudayaan, dan pemilikan harta (Sorenson, 2000).

Kelas sosial di Malaysia terdiri daripada tiga peringkat iaitu kelas atas, kelas menengah dan kelas bawahan. Kelas atas pekerja profesional dengan pendapatan tinggi,





dan elit politik. Kelas ini memiliki akses kepada pendidikan yang terbaik, peluang pekerjaan yang menguntungkan, dan gaya hidup yang mewah. Mereka seringkali mempunyai pengaruh dalam politik dan ekonomi negara. Bagi kelas menengah pula terdiri daripada golongan profesional, pengusaha kecil dan sederhana, pekerja sektor awam dan swasta dengan pendapatan stabil. Mereka biasanya mempunyai pendidikan yang baik dan mampu menyokong gaya hidup yang selesa serta mempunyai aspirasi untuk mobiliti sosial yang lebih tinggi (Hirschman, 1987). Kelas bawahan pula, ia sering digambarkan mereka yang bekerja dalam pekerjaan yang kurang terjamin, dengan pendapatan rendah, dan menghadapi cabaran ekonomi yang lebih besar. Ini termasuk pekerja buruh tidak terampil, petani kecil, dan pekerja yang bergantung pada pekerjaan sementara atau bergaji harian. Mereka mungkin tidak memiliki akses yang sama terhadap peluang pendidikan atau kesihatan yang baik (Abiddin & Ismail, 2021).



Dalam konteks kelas sosial ini, kemunculan kelas yang dikenali sebagai kelas menengah dipersetujui oleh ramai sarjana dan penulis seperti Abdul Rahman Embong, Jomo K. Sundram dan Saravanamuttu yang mengkaji tentang struktur dan susun lapis masyarakat Melayu sebelum dan selepas merdeka. Kelas menengah adalah penting dalam konteks perubahan dan reformasi institusi politik di Malaysia (Weiss, 1999; Moten, 2011). Hal ini demikian kerana golongan kelas menengah sering kali menjadi pemangkin utama bagi perubahan sosial dan politik dalam masyarakat. Kehadiran kelas menengah yang berpengaruh ini merupakan faktor kepada perubahan dan pembangunan dalam institusi politik kerana mereka dapat mendorong kerajaan untuk melaksanakan reformasi yang lebih inklusif dan responsif terhadap keperluan masyarakat yang lebih luas (Raj et al. 2023; Leven, 2023).



Melihat kepada definisi kelas menengah merujuk kepada golongan penduduk yang memiliki pendapatan sederhana dan menengah, serta gaya hidup yang selesa. Mereka biasanya mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan, dan perubatan, serta memiliki sedikit kelebihan untuk menikmati gaya hidup yang lebih selesa berbanding dengan golongan bawah (Krisna et al., 2017; Kuznetsova & Tupitsyn, 2014).

Kelas menengah juga sering dikaitkan dengan profesional, pengusaha kecil, dan pekerja berkemahiran yang memainkan peranan penting dalam ekonomi negara (Kochhar, R., & Sechopoulos, 2022). Maksud dan definisi kelas menengah dapat dilihat dari perspektif sarjana-sarjana yang berbeza. Sebagai contoh, di Malaysia, terdapat pelbagai juga pandangan mengenai maksud dan definisi kelas menengah. Antara tokoh yang melihat dari sudut pendapatan ekonomi ialah Dr. Kamal Salih. Beliau mendefinisikan kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM4,000 hingga RM10,000 bagi individu tunggal, dan RM8,000 hingga RM20,000 bagi isi rumah tangga (Kamal Salih, 2016). Sementara menurut kajian Yusfida Ayu et al., (2021) mendefinisikan pendapatan isi rumah kumpulan menengah kepada pendapatan bulanan dalam lingkungan RM2,300 hingga RM10,959. Definisi ini menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, kelas menengah dianggap sebagai golongan yang mempunyai pendapatan sederhana hingga tinggi, yang membolehkan mereka untuk menikmati taraf hidup yang selesa dan akses kepada pelbagai perkhidmatan dan produk.

Di peringkat kerajaan, berlaku beberapa pandangan berkaitan pendapatan kelas menengah. Kerajaan merumuskan bahawa julat pendapatan kelas menengah di



Malaysia ialah antara RM5,250 hingga RM11,819 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun, penting untuk diingat bahawa definisi kelas menengah dapat berbeza bergantung kepada parameter yang digunakan, seperti pendapatan, status sosial, dan kestabilan ekonomi. Yap Beng (1989) mendefinisikan kelas menengah sebagai kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat, iaitu antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawahan (yang diperintah).

Pengelompokan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan juga latar belakang pendidikan yang diterima bukan lagi berdasarkan darjat keturunan atau pangkat. Ukuran dari segi punca pendapatan adalah sesuatu yang biasa sebelum ini bagi menentukan kelasnya dalam masyarakat, tetapi berdasarkan pendidikan yang diterima adalah merupakan satu ukuran yang baru, dan ia tepat digunakan sebagai ukuran pengelasan kelas menengah Melayu ini (Yap Beng, 1989).

Rahimah Abdul Aziz, melihat kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai akses kepada pendapatan sederhana hingga tinggi, pendidikan yang baik, dan keupayaan untuk mengakses pelbagai perkhidmatan sosial dan kebudayaan (Rahimah, 2012). Definisi ini menyoroti pentingnya akses kepada pendidikan dan perkhidmatan sosial dalam menentukan kelas menengah, serta pengakuan terhadap peranan mereka dalam transformasi sosial dan pembangunan di Malaysia. Kelas menengah, yang biasanya terdiri daripada golongan yang berpendidikan, berpendapatan sederhana, memiliki sumber daya, pengetahuan, dan jaringan yang diperlukan untuk membawa isu-isu penting ke peringkat tertinggi dalam sistem politik.





Oleh itu, mereka mampu menyuarakan kebimbangan dan tuntutan yang mewakili suara rakyat, yang sering kali tidak didengari. Lebih-lebih lagi, kelas menengah cenderung untuk mempunyai tahap kesedaran politik yang lebih tinggi, yang membolehkan mereka mengenal pasti ketidakadilan dan kelemahan dalam struktur institusi yang ada (Saravanamuttu, 1992). Golongan ini juga sering berperanan aktif dalam gerakan masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan inisiatif bersama yang mendorong reformasi, sama ada melalui demonstrasi, kempen kesedaran, atau penglibatan dalam proses pemilihan (Raj et al. 2023; Yakovlev, 2022).

Dari sudut perkembangan kelas menengah di Malaysia pula, kewujudan kelas menengah di Malaysia dilihat ketara selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Negara telah mengalami proses pemodenan dan perindustrian yang pesat bermula pada awal 1970-an. Ledakan ekonomi ini berlaku terutamanya di kawasan bandar-bandar utama seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak (Jomo, 1986). peratusan pekerjaan bergaji turut menunjukkan peningkatan daripada 48.1 peratus pada tahun 1947 kepada 61.4 peratus pada tahun 1980. Bagi data terkini, peratusan tersebut terus meningkat daripada tahun 2019 sebanyak 61.6 peratus kepada 62.8 peratus pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Pada tahun 1980-an pula, negara pesat membangun hasil daripada suntikan-suntikan modal dan insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan. Polisi kerajaan seperti Dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia, dan penswastaan telah meningkatkan sektor perindustrian serta mengembangkan sektor awam yang seterusnya menambah peluang pekerjaan terutamanya di bandar-bandar utama negara (Abdul Rahman, 2002). Kemudian, diteruskan lagi pada tahun 1991, dengan pembangunan yang semakin pesat,





Dasar Pembangunan Negara (DPN) telah dilancarkan. DPN masih meneruskan matlamat DEB, iaitu meneruskan pembangunan yang seimbang. Namun demikian, perbezaannya ialah melalui fokus kepada penghapusan kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan relatif masyarakat Malaysia, melalui penambahan peluang pekerjaan, pertumbuhan komuniti komersial dan industri Bumiputera dan sebagainya. DPN dilancarkan dengan harapan Malaysia akan mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 dalam semua aspek masyarakat dan kerajaan (Yusniliyana et al. 2020).

Walau bagaimanapun, kemajuan yang dikecapi negara terbantut pada akhir 1990-an disebabkan rantau Asia (termasuklah Malaysia) dilanda krisis kewangan. Pada tahun 1997, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkurang kepada 7.3 peratus dan terus jatuh pada 1998 kepada -7.4 peratus, kadar yang terburuk sejak 1987. Sebelum 1997, pertumbuhan KDNK negara adalah hampir konsisten iaitu dalam lingkungan 9 peratus hingga mencecah 10 peratus (World Bank, 2015). Kerajaan berusaha memulihkan keadaan ekonomi negara semasa krisis ekonomi tersebut melalui tiga fasa. Fasa pertama bermula dengan kawalan kewangan dan fiskal yang ketat, fasa kedua ialah dengan meningkatkan perbelanjaan sektor awam dan akhirnya fasa ketiga melalui kawalan modal (Abdul Aziz, 2011).

Usaha lain ialah melalui penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 1998. Melalui majlis ini, kerajaan telah mengambil alih syarikat-syarikat dalam negara yang bermasalah dan seterusnya cuba memastikan kehidupan rakyat tidak menjadi lebih buruk. Ekonomi Malaysia kembali berkembang pada 1999 apabila peratus KDNK negara telah meningkat kepada 6.1 peratus. Namun tidak mencapai kestabilan dan peratus yang tinggi seperti yang pernah dilalui Malaysia pada





pertengahan 1980-an dan pertengahan 1990-an (Abdul Aziz, 2011). Kelas menengah masih lagi berkembang dengan pesat walaupun diganggu oleh krisis kewangan dan krisis ekonomi sepanjang tempoh tersebut. Kelas menengah baharu terus meningkat kepada 25.8 peratus pada 2006 dan 27.4 peratus pada 2008 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2008). Menurut data terkini, peningkatan tersebut dilihat terus berlaku kepada 37.6 peratus pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Namun, pada tahun 2020, pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang ketara terhadap pendapatan isi rumah, baik di kawasan bandar mahupun luar bandar. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020 (Jabatan Perangkaan Negara, 2020), purata pendapatan isi rumah kasar bulanan menurun sebanyak 10.3 peratus kepada RM7,089 berbanding RM7,901 pada 2019, manakala pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah turun 11.3 peratus kepada RM5,209 berbanding RM5,873 pada 2019. Pada tahun yang sama, purata pendapatan pekerjaan bergaji menyusut sebanyak 16.1 peratus kepada RM4,088 daripada RM4,870 pada 2019, sementara pendapatan dari bekerja sendiri turun 9.7 peratus kepada RM1,232 daripada RM1,364 pada tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Negara, 2020).

Penurunan ini adalah hasil daripada isi rumah atau individu yang kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan akibat pengurangan jam bekerja dan peningkatan pengangguran separuh masa berkaitan kemahiran. Namun, mulai tahun 2022, semua aktiviti ekonomi dan sosial telah kembali beroperasi seperti biasa. Pelbagai sokongan dasar diperkenalkan untuk menghidupkan semula aktiviti sosioekonomi di semua peringkat, termasuk isi rumah. Sebagai contoh, kerajaan





meluluskan perintah gaji minimum baharu yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2022, menetapkan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan bagi semua sektor. Kenaikan gaji minimum ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan purata pendapatan pekerjaan bergaji di kalangan pekerja dan meningkatkan kuasa beli pengguna. Langkah ini juga sejajar dengan matlamat mencapai sasaran gaji dan upah penengah bulanan sebanyak RM2,900 menjelang 2025 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Peratusan bagi pendapatan isi rumah kian meningkat khususnya bagi kawasan-kawasan bandar pada tahun 2022. Hal ini kerana kawasan tumpuan utama di bandar-bandar besar mengalami kadar urbanisasi yang pesat kerana wujudnya bandaraya Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia. Kadar urbanisasi dilihat menunjukkan peningkatan dari tahun 2010 iaitu sebanyak 70.9 peratus, 2020 sebanyak 75.1 peratus dan terus meningkat pada tahun 2022 iaitu sebanyak 75.5 peratus. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencatatkan kadar urbanisasi 100 peratus manakala negeri Selangor yang terdiri daripada beberapa wilayah Lembah Klang pula mencatatkan lebih daripada 91.4 peratus kadar urbanisasi (Jabatan Perangkaan Negara, 2022).

Selain itu, bagi kadar purata pendapatan isi rumah juga, ia dilihat lebih tinggi berbanding negeri-negeri yang lain. Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya telah mencatatkan kadar purata pendapatan isi rumah yang paling tinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM 11,277, diikuti Kuala Lumpur dengan kadar purata isi rumah sebanyak RM 10,540 dan negeri Selangor iaitu sebanyak RM 10,008 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun begitu, di kawasan Lembah Klang mendapati bahawa perbelanjaan isi rumah pada tahun ini dianggarkan meningkat, iaitu anggaran





RM 5,188 hingga RM 6,490 sebulan. Peningkatan dalam kadar pendapatan isi rumah ini menunjukkan bahawa penduduk kawasan bandar semakin mampu untuk meningkatkan taraf hidup mereka, tetapi pada masa yang sama, ia menimbulkan cabaran baru dalam pengurusan kewangan isi rumah, memandangkan kos sara hidup di kawasan urban juga meningkat (Berita Harian *Online*, 25 November).

Hal ini menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah dan taraf hidup adalah berbeza bagi setiap kawasan. Tidak semua masyarakat bersetuju mengenai takrifan kelas menengah yang diukur mengikut jumlah pendapatan. Ini kerana faktor seperti pengeluaran perbelanjaan harian, jenis pekerjaan, dan kualiti kehidupan juga perlu diambil kira dalam menentukan status kelas sosial seseorang. Sebahagian pengkaji melihat kelas menengah bukan sahaja dari segi jumlah pendapatan isi rumah, namun juga berdasarkan tahap pendidikan yang mereka miliki (Yap Beng, 1989; Noraini, 2015).

Perkembangan ekonomi dan globalisasi ini telah menjadikan persaingan yang berpengetahuan (*knowledge worker*) iaitu mereka yang berpendidikan tinggi dan mempunyai daya usaha untuk meningkatkan pengetahuannya semasa di alam pekerjaan. Menurut Kaufman (2005), ahli masyarakat yang berkedudukan tinggi mempunyai lebih peluang untuk memantapkan status mereka dan memastikan generasi anak cucu mereka akan dapat meneruskan kedudukan yang selesa. Golongan kelas menengah mempunyai kelebihan material dan modal-modal sosial dan budaya dalam usaha untuk memastikan anak-anak mereka dapat mempertahankan kedudukan di dalam kelas menengah. Proses ini dikenali sebagai reproduksi sosial (Kaufman, 2005).





Golongan kelas menengah akan berusaha sedaya upaya untuk memberikan pendidikan yang terbaik, dan memastikan peluang-peluang sentiasa terbuka untuk kehidupan masa depan anak-anak mereka tidak kiralah daripada jenis aliran pendidikan sekalipun. Selain itu, mereka juga menggunakan kelebihan struktural yang sedia ada (Kaufman, 2005). Hal ini disebabkan dalam hierarki struktur masyarakat semasa, mereka ini telah pun menduduki kedudukan yang lebih baik, jika dibandingkan dengan mereka di dalam kelas-kelas yang lebih rendah. Maka, anak-anak kelas menengah ini dijangka akan secara semula jadi mewarisi kedudukan struktural mereka, sekiranya tiada perubahan drastik berlaku dalam struktur masyarakat tersebut selepas itu. Namun begitu, warisan kedudukan ini sahaja tidak cukup kerana ia juga terpulang kepada generasi yang menerima warisan tersebut untuk menggunakan kedudukan, modal-modal dan keupayaan yang mereka ada untuk mempertahankan kedudukan itu atau terus memperbaikinya (Noraini, 2015).



Kelas menengah dalam pendidikan juga boleh diertikan sebagai kelompok kepada orang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang bermula dari Ijazah sarjan muda sehingga kepada Doktor Falsafah, selain itu juga, mereka menyandang jawatan yang tinggi dalam pentadbiran dan berpendapatan lebih lumayan dengan berpandukan latar belakang pendidikan seperti Naib Canselor, pensyarah-pensyarah di universiti, guru-guru dan sebagainya (Yap Beng, 1989). Di samping dasar kerajaan, kelas menengah ini juga dipengaruhi oleh pengembangan pelbagai aliran dan institusi pendidikan. Aliran pendidikan ini memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk corak pemikiran kelas menengah dalam memahami literasi kenegaraan. Aliran pendidikan yang berbeza ini berfungsi untuk membentuk corak pemikiran





pelajar dalam memahami kenegaraan dengan cara yang unik dan membawa perspektif yang berbeza terhadap isu-isu seperti hak, tanggungjawab, dan identiti nasional.

Melihat kepada kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rahman (2002), kelas menengah berperanan aktif dalam politik. Antara penglibatan yang dapat dilihat ialah seperti keahlian parti politik. Golongan kelas menengah ini menyertai pelbagai parti politik untuk menyokong agenda yang sejalan dengan nilai dan kepentingan mereka. Selain itu melalui pengundian. Kelas menengah menyedari pentingnya hak mengundi dan menggunakan kuasa tersebut untuk mempengaruhi pilihan raya dan pemilihan wakil rakyat. Di samping itu, keterlibatan dalam NGO. Mereka juga aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan isu-isu sosial, hak asasi manusia, dan alam sekitar, memberikan suara kepada kebimbangan masyarakat (Abdul Rahman, 2002).



Menurut UNDP Global Policy Network Brief (2021), golongan kelas menengah akan menyumbang kepada kesejahteraan negara apabila golongan ini dapat mencapai aspek permintaan, kepercayaan, pemerintahan yang baik, nilai kapitalis yang stabil, membuat hujah ekonomi yang progresif. Peranan penting golongan kelas menengah ini kerana mereka dapat meningkatkan penyertaan rakyat terhadap hala tuju negara, meminimumkan pergaduhan politik, mempromosikan dasar awam untuk faedah semua masyarakat dan bukan hanya untuk kepentingan pihak tertentu sahaja (Francesca et al., 2021).

Namun, pertambahan kelas menengah daripada 24 peratus pada tahun 1980 (Crouch, 1985) kepada 40 peratus pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Negara, 2022)





menjadikan perbezaan jurang kelas sosial yang ketara dalam masyarakat. Hal Ini telah menjadikan persoalan keutuhan pemahaman berkaitan kenegaraan menjadi semakin kurang jelas kerana persoalan literasi kenegaraan sering dibangkitkan apabila negara menghadapi krisis politik dan ekonomi. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971), Rukun Negara (1970) dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) telah dilaksanakan pada dekad yang lalu bagi menyelesaikan isu perpaduan di Malaysia (Kementerian Perpaduan Negara, 2022; Mohamed Mustafah Ishak, 2024).

Pelaksanaan DEB pada tahun 1971 bertujuan untuk menstabilkan kelas sosial dilihat berjaya mempertingkatkan kelas menengah dan membasmi kemiskinan, namun dilihat tidak seimbang dalam meningkatkan tahap literasi kenegaraan dalam kalangan masyarakat kerana pelaksanaan Rukun Negara dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dilihat masih kurang berhasil apabila masih wujudnya perbalahan dalam masyarakat sehingga kini terutama dalam memahami isu-isu utama kenegaraan yang menimbulkan masalah ketidakstabilan politik dan perpaduan nasional (Mohammad Mustafa Ishak, 2014). Seterusnya pengenalan Wawasan 2020 pada tahun 1992 untuk mewujudkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai pendapatan yang tinggi menjelang tahun 2020 (Mahathir, 1991) juga tidak berhasil sepenuhnya dalam menyelesaikan masalah kestabilan sosiopolitik dan perpaduan negara kerana isu kerapuhan perpaduan nasional berlaku sehingga kini (Mohammad Mustafa Ishak, 2014).

Oleh hal yang demikian, pemerksaan golongan kelas menengah terutamanya dalam isu literasi kenegaraan merupakan elemen penting bagi kestabilan sesebuah negara kerana mereka berupaya membuat perubahan signifikan dalam masyarakat





disebabkan oleh faktor pendidikan dan kerjaya mereka yang stabil. Hal ini demikian kerana kemakmuran negara sebahagian besarnya dipengaruhi oleh golongan kelas menengah yang diterjemahkan dalam bentuk keutuhan pemahaman mereka terhadap literasi kenegaraan yang betul. Melalui pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip kenegaraan, kelas menengah dapat membantu membentuk dasar yang inklusif dan progresif, dengan itu menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih adil dan seimbang (Nasiwan, 2018).

1.2 Penyataan Masalah

Kestabilan sosiopolitik dan keharmonian masyarakat merupakan asas utama pembinaan negara, hal ini merupakan indikator penting terhadap kestabilan negara selaras dengan matlamat *Sustainable Development Goal* (SDG) yang ke 16. Di Malaysia, isu-isu semasa berkaitan kenegaraan berlaku dalam bentuk krisis perlembagaan, perdebatan pemahaman sejarah, politik dan persoalan aliran pendidikan dalam sistem persekolahan nasional bukan sekadar menimbulkan perbahasan perundangan yang melibatkan perlembagaan tetapi perbahasan ini juga menonjolkan sikap sebenar tahap kefahaman warga Malaysia terhadap konsep kenegaraan dan ketatanegaraan Malaysia (Shamrahayu, 2018a).

Hal ini demikian kerana ketidakjelasan terhadap kefahaman berkaitan unsur-unsur yang membentuk kenegaraan Malaysia telah menyebabkan perdebatan timbul apabila sesuatu peristiwa dan isu kenegaraan berlaku (Abdul Rahman, 2014). Ia disebabkan oleh tidak ada indikator yang tetap untuk menyelesaikan peristiwa dan isu





berkaitan kenegaraan dalam kalangan kelas menengah apabila membincangkan berkenaan isu ini. Di tambah pula dengan aliran pendidikan yang berbeza yang secara tidak langsung telah membentuk pemahaman sendiri (Kamaruddin, 2013). Oleh itu, berlakulah aliran-aliran yang berbeza dalam memahami isu kenegaraan yang menyebabkan kestabilan sosiopolitik negara terganggu. Persoalan yang relevan di sini ialah adakah terdapat perbezaan antara aliran pendidikan dan tahap pengetahuan kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah. Perbezaan dalam aliran pendidikan ini mungkin membawa kepada cara yang berbeza dalam memahami hak dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara, serta keupayaan mereka untuk menilai dan menyokong keputusan politik dan sosial.

Selain itu, dari sudut aspek tahap pengetahuan rakyat Malaysia terhadap asas-asas kenegaraan menunjukkan kecenderungan yang membimbangkan dan berpotensi mengakis kualiti penglibatan dan tanggungjawab sivik masyarakat. Meskipun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti mewujudkan dasar dan ideologi negara yang mampu meningkatkan literasi kenegaraan seperti rukun negara dan dasar perpaduan negara. Bahkan meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan terhadap kenegaraan merupakan salah satu strategi daripada teras pertama patriotisme dan demokrasi dalam dasar perpaduan negara (Dasar Perpaduan Negara, 2022).

Selain daripada itu, antara usaha lain kerajaan bagi meningkatkan literasi kenegaraan dapat dilihat melalui sistem pendidikan di dalam negara iaitu mengaplikasikan pendidikan kenegaraan yang telah diintegrasikan dalam kurikulum sekolah, khususnya dalam semua mata pelajaran seperti sejarah (Inayah Junika & Mas Fierna, 2024). Namun begitu, meskipun usaha ini telah dilaksanakan, tahap





pengetahuan dan pemahaman rakyat terhadap kenegaraan masih kurang (Tie et al. 2011; Mohamad Rodzi, 2009).

Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa masyarakat masih kurang mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara serta struktur dan fungsi sistem pemerintahan negara. Antara kajian tersebut ialah Mohamad Rodzi (2009). Dalam kajian tersebut, dapatan kajian mendapati bahawa tahap penghayatan terhadap Rukun Negara pada tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam penghayatan nilai-nilai asas yang seharusnya menjadi panduan bagi setiap warganegara dalam menjalani kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Ketidacukupan dalam pemahaman ini berpotensi mengakibatkan ketidakfahaman terhadap kepentingan perpaduan, keadilan, serta tanggungjawab sosial, yang mana sepatutnya diterapkan dalam kalangan rakyat sebagai asas kepada pembangunan negara yang harmonis. Pemantapan literasi kenegaraan diperlukan bagi memastikan bahawa nilai-nilai tersebut bukan sahaja dikenali, tetapi juga diaplikasikan secara nyata dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian Tie et al. (2011) turut menunjukkan bahawa pengetahuan kenegaraan dalam kalangan rakyat adalah rendah. Berdasarkan kajian ini ia menunjukkan bahawa rakyat menunjukkan ketidakfahaman tentang sistem pemerintahan, kurang pengetahuan tentang undang-undang dan perlembagaan serta ketidakpastian tentang tanggungjawab kewarganegaraan. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana pengetahuan yang terhad mengenai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara boleh mengakibatkan kurangnya penglibatan dalam proses politik





dan pilihan raya, serta menghalang usaha untuk meningkatkan kualiti demokrasi di negara ini.

Oleh hal yang demikian, akibat kurangnya pengetahuan dan pemahaman mengenai kenegaraan tersebut maka terjadinya beberapa kes yang menunjukkan bahawa masyarakat masih kurang pengetahuan mengenai kenegaraan. Sebagai contoh, Berita Harian *Online* (2023, 13 Oktober) melaporkan bahawa dua orang lelaki telah ditahan kerana menghina institusi beraja di media sosial. Kes ini mencerminkan kurangnya penghargaan dan kefahaman terhadap institusi kenegaraan yang dianggap sebagai simbol perpaduan dan kedaulatan negara. Penghinaan terhadap raja bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi juga mencerminkan kekurangan literasi kenegaraan dalam kalangan masyarakat (Fabli & Mohd Sufiean, 2020; Mastura et al. 2022).



Tambahan lagi, Shamrahayu (Berita Harian, 2018, 20 November) menyatakan bahawa masyarakat Malaysia perlu lebih menghayati konsep kenegaraan dengan lebih mendalam. Shamrahayu menegaskan bahawa pemahaman yang cetek mengenai konsep kenegaraan yang boleh menjejaskan keharmonian dan juga kestabilan negara. Shamrahayu turut menekankan pentingnya pendidikan kenegaraan yang menyeluruh untuk memastikan setiap lapisan masyarakat memahami dan menghargai struktur dan fungsi institusi-institusi negara (Shamrahayu, 2007)

Selain itu, pada 27 November 2018, Shamrahayu sekali lagi mengeluarkan kenyataan di Berita Harian *Online* bahawa perlembagaan boleh menjadi sekadar hiasan jika kita tidak mengamatinya dengan betul. Ini menekankan betapa pentingnya





perlembagaan sebagai asas kenegaraan dan undang-undang tertinggi negara. Tanpa pemahaman dan penghargaan yang mendalam terhadap perlembagaan, masyarakat mungkin mengabaikan prinsip-prinsip penting yang menjaga hak dan tanggungjawab sebagai warganegara (Shamrahayu, 2007; Fabli & Mohd Sufiean, 2020; Mastura et al. 2022)

Selain itu, terdapat juga beberapa isu yang melibatkan penghinaan terhadap institusi kehakiman. Pada 22 Mei 2023, Berita Harian *Online* telah melaporkan bahawa pihak polis telah menahan seorang lelaki yang telah menghina Perdana Menteri dan Badan kehakiman. Lelaki tersebut telah memuat naik hantaran berunsur hinaan dan hasutan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan institusi kehakiman di media sosial. Oleh itu, secara keseluruhannya, contoh-contoh ini menegaskan betapa pentingnya pemahaman terhadap kenegaraan dalam kalangan masyarakat. Pembelajaran dan penghayatan yang lebih mendalam mengenai sejarah, perlembagaan, dan institusi kenegaraan adalah penting untuk memastikan masyarakat Malaysia dapat hidup dalam suasana yang harmoni, stabil, dan sejahtera (Fabli & Mohd Sufiean, 2020; Mastura et al. 2022)

Seterusnya, kajian ini telah mengambil kira mengenai indeks penyertaan politik. Indeks Penyertaan Politik ialah alat yang digunakan untuk mengukur dan membandingkan sejauh mana rakyat terlibat dalam proses politik di sesebuah negara (World Bank, 2024). Indeks ini mempunyai beberapa kegunaan utama. Ia boleh menjadi penanda aras untuk membandingkan tahap penyertaan politik antara negara, mengenal pasti jurang atau kekurangan dalam penglibatan rakyat, memberi cadangan





dasar berasaskan bukti untuk meningkatkan penyertaan politik, serta memantau keberkesanan dasar atau program yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Jadual 1.1

Indeks Penyertaan Politik Asia 2024. Sumber: Democracy Index 2024, The Economist Intelligence Unit.

Negara	Kedudukan Global	Penyertaan Politik
1) Jepun	21	6.67
2) Korea Selatan	23	7.22
3) Malaysia	39	6.67
4) Timor Laste	44	5.56
5) India	53	6.67
6) Filipina	55	8.33
7) Indonesia	64	7.22
8) Thailand	73	8.33
9) Singapura	74	4.44
10) Kemboja	130	3.89
11) Myanmar	135	1.67
12) Vietnam	137	2.78
13) Laos	161	1.67

Berdasarkan data dalam jadual di atas, penyertaan politik Malaysia berada pada kedudukan global ke-39 dengan skor 6.67. Kedudukan ini adalah sederhana jika dibandingkan dengan beberapa negara Asia lain. Contohnya, Laos berada pada kedudukan global ke-16 dengan skor 1.67, yang menunjukkan tahap penyertaan politik yang jauh lebih rendah. Namun, terdapat negara seperti Korea Selatan yang mencatat





skor penyertaan politik lebih tinggi, mencerminkan tahap keterlibatan rakyat yang lebih aktif dalam proses demokrasi. Perbezaan ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia berada pada tahap sederhana, masih terdapat ruang yang besar untuk memperkukuh penyertaan politik rakyat. Tahap penyertaan politik yang sederhana ini boleh menjadi petunjuk kepada wujudnya cabaran dari segi kefahaman, kesedaran, dan keupayaan rakyat untuk melibatkan diri secara aktif dalam sistem kenegaraan. Oleh itu, kajian literasi kenegaraan menjadi penting bagi mengenal pasti sejauh mana rakyat memahami hak, tanggungjawab, dan mekanisme politik yang wujud, seterusnya merancang intervensi yang dapat meningkatkan kualiti penyertaan politik.

Oleh itu, dalam konteks kelas menengah di Malaysia pula, meskipun banyak cabaran yang dihadapi dalam usaha pengukuhan literasi kenegaraan ini, namun peranan mereka sangat diperlukan dalam kestabilan negara. Pengabaian pemahaman dari aspek literasi kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah boleh menyebabkan kestabilan sosiopolitik terjejas dan seterusnya menyebabkan kerapuhan perpaduan sosial. Hal ini demikian kerana golongan kelas menengah merupakan elemen penting bagi kestabilan sesebuah negara kerana mereka berupaya membuat perubahan signifikan dalam masyarakat disebabkan oleh faktor pendidikan dan kerjaya mereka yang stabil (Abdul Rahman, 2002; Jutta Gutberlet, 2012).

Di samping itu, golongan kelas menengah turut memainkan peranan yang penting sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan pendorong perubahan sosial. Namun, terdapat kebimbangan bahawa tahap pengetahuan kenegaraan mereka masih rendah, yang mungkin menghalang penglibatan aktif mereka dalam pembuatan keputusan dan inisiatif pembangunan. Masalah utama yang timbul adalah sejauh mana





tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah mempengaruhi penglibatan mereka dalam pembangunan sosioekonomi negara. Dengan memahami dan menyedari hubungan ini, kajian ini turut bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi negara dengan tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah.

Oleh hal yang demikian, secara kesimpulannya, kajian ini dilihat wajar dilakukan kerana isu ini merupakan isu yang masih belum ada penyelesaian meskipun telah banyak usaha di peringkat kerajaan khususnya. Selain itu, kajian daripada pengkaji-pengkaji sebelum ini berkaitan dengan golongan kelas menengah dilihat masih kurang kerana kajian sebelum ini hanya memfokuskan lebih kepada perspektif kepenggunaan dan gaya hidup sahaja. Di samping itu, salah satu isu penting dalam kajian ini ialah melibatkan soal literasi kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah yang wajar diberi tumpuan kerana fungsi mereka sebagai golongan yang menyumbang terhadap kestabilan politik negara.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini ialah:

- i. Sejauhmanakah tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang?
- ii. Adakah terdapat perbezaan antara aliran pendidikan dengan tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang?





- iii. Adakah hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi negara dengan tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang?

1.4 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang
- ii. Menganalisis perbezaan antara aliran pendidikan dengan tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang
- iii. Mengkaji hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi negara dengan tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan, kajian ini mempunyai tujuh (7) hipotesis awal. Hipotesis ini telah dibina berdasarkan daripada kajian-kajian lepas.

- ❖ H1: Terdapatnya perbezaan aliran pendidikan dengan tahap pengetahuan kenegaraan golongan kelas menengah di Lembah Klang





- ❖ H2a: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam ekonomi dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang
- ❖ H2b: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam politik dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang
- ❖ H2c: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam masyarakat dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang
- ❖ H2d: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam dasar dan tadbir urus dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang
- ❖ H2e: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah dalam pendidikan dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang
- ❖ H2f: Terdapatnya hubungan antara penglibatan golongan kelas menengah sebagai aktivisme dengan tahap pengetahuan literasi kenegaraan di Lembah Klang



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan. Kepentingan kajian ini ialah untuk memberikan impak kepada kumpulan masyarakat khususnya golongan kelas menengah. Melalui kajian ini, ia selari dengan SDG (*Sustainable Development Goal*) iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaik taraf seterusnya memenuhi matlamat SDG16 iaitu keamanan, keadilan dan pertubuhan kukuh. Kajian ini berupaya untuk menjana kesedaran tentang pentingnya perpaduan sosial dan keadilan. Ini secara langsung menyokong aspirasi untuk mencipta masyarakat yang lebih harmoni dan seimbang. Oleh itu, literasi kenegaraan dalam





golongan kelas menengah haruslah dipupuk dan dipertingkatkan bagi memastikan kestabilan dalam sosiopolitik.

Selain itu, melalui kajian ini juga, budaya kesepaduan sosial juga dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana tidak ada berlaku sentimen kebencian dalam golongan kelas menengah. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini, ia dapat membantu meningkatkan tahap kefahaman mengenai literasi kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah. Pada masa yang sama juga, kajian ini turut akan dapat memenuhi salah satu daripada 15 prinsip panduan iaitu demokrasi dan kestabilan seperti yang terdapat dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dalam konteks Malaysia Madani pula yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejahteraan bersama, kajian ini juga sangat relevan. Ia bukan sahaja berperanan dalam memperkukuhkan perpaduan sosial tetapi juga memupuk sikap saling menghormati dan kerjasama antara pelbagai komuniti. Dengan meningkatkan literasi kenegaraan, golongan kelas menengah akan lebih mampu memainkan peranan aktif dalam membina masyarakat yang beretika dan bertanggungjawab, yang sejalan dengan visi Malaysia Madani untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah masyarakat yang inklusif, harmoni, dan makmur. Oleh itu, kajian ini dapat menjadi platform yang penting dalam memajukan prinsip-prinsip Malaysia Madani, memastikan bahawa negara terus bergerak ke arah kemakmuran dan keadilan untuk semua rakyat.

Kajian ini bukan sahaja penting untuk memahami tahap literasi kenegaraan golongan kelas menengah, tetapi juga memiliki kepentingan strategik dalam menyokong dan mengukuhkan agenda perpaduan nasional di Malaysia. Ia selaras dengan pelbagai dasar dan inisiatif kerajaan seperti Indeks Perpaduan Nasional 2018,





Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1970, Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Dasar Keselamatan Negara (2021-2025), Dasar Kebudayaan Negara (2021-2025), dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025. Melalui kajian ini ia dapat memberi nilai tambah kepada polisi-polisi kerajaan dengan menyediakan data dan analisis mengenai tahap pengetahuan dan penghayatan kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah. Ia juga dapat membantu dalam mengenal pasti isu-isu defisit sosial dan merangka strategi yang lebih efektif untuk mencapai perpaduan dan kestabilan sosiopolitik di Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga membawa manfaat besar kepada kerajaan. Melalui kajian ini, defisit sosial yang berkaitan dengan perbezaan kelas sosial dapat dikurangkan. Kajian ini memberi panduan kepada kerajaan dalam pengurusan masyarakat dan golongan kelas menengah secara khusus dan memastikan proses ini dapat berjalan dengan lebih lancar. Tambahan pula, perbelanjaan kerajaan, sama ada di peringkat persekutuan atau negeri, untuk aktiviti yang berkaitan dengan kesedaran terhadap literasi kenegaraan dalam kalangan golongan kelas menengah dapat dikurangkan. Ini sekali gus meningkatkan tahap pengetahuan golongan kelas menengah terhadap literasi kenegaraan tanpa memerlukan banyak sumber kewangan tambahan dari kerajaan.

Di samping itu, kajian ini mempunyai kepentingan yang tidak kurang pentingnya dalam bidang akademik, khususnya dalam bidang sains sosial. Melalui kajian ini, impak dalam bidang sains sosial, terutamanya dalam disiplin sains politik akan menambahkan sumber keilmuan. Kajian ini berpotensi untuk memperkembangkan beberapa jurnal yang membincangkan literasi kenegaraan dari





perspektif kemasyarakatan bersama penyelidik dari dalam dan luar negara, melalui seminar mahupun perbincangan dalam bilik kuliah. Di samping itu, pelaksanaan kajian ini mampu melahirkan sarjana yang berkaliber dan berpengetahuan, yang boleh memberi impak positif kepada dunia akademik sebagai modal insan yang berharga.

Akhir sekali, kepentingan kajian ini juga merangkumi bidang pendidikan. Melalui kajian ini, hubungan antara tahap pengetahuan dan penghayatan golongan kelas menengah dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan aliran pendidikan kebangsaan dan agama. Bidang pendidikan sangat penting dalam membentuk dan melahirkan modal insan yang berpengetahuan. Oleh itu, kajian ini akan memberi sumbangan besar dalam memperkasa sistem pendidikan ke arah masyarakat yang lebih berpengetahuan dan mempunyai penghayatan yang mendalam mengenai kenegaraan Malaysia, khususnya dalam kalangan golongan kelas menengah.



1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada responden kelas menengah yang mempunyai pendidikan bermula daripada peringkat STPM/Diploma dan yang setaraf dengannya sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PHD). Walau bagaimanapun, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2022), kumpulan kelas menengah (M40) telah direkodkan julat pendapatan di antara RM5,250 hingga RM11,819. Purata pendapatan isi rumah ini merupakan kayu ukur bagi pengkaji untuk menentukan status golongan kelas menengah seorang individu. Oleh itu, responden dalam kajian ini ialah individu yang mempunyai pendidikan bermula daripada peringkat STPM/Diploma dan yang setaraf dengannya





sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PHD) dan mempunyai pendapatan kelas menengah seperti yang telah ditentukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022).

Dari segi lokasi kajian pula, kajian ini dijalankan di Lembah Klang iaitu yang terdiri daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta negeri Selangor yang merangkumi Petaling, Gombak, Klang, Hulu Langat, Sepang, dan Kuala Langat. Pengkaji telah memilih kawasan ini kerana terdapat banyaknya parti politik dan aktivis politik yang berada di Lembah Klang. Selain itu, kawasan tersebut juga merupakan lokasi kepada NGO, syarikat perniagaan, penjawat awam, institusi pendidikan awam dan swasta serta golongan berkepentingan dalam kajian ini. Oleh itu, lokasi kajian ini adalah sangat bersesuaian bagi mendapatkan responden.

Selain itu juga, pemilihan Lembah Klang sebagai lokasi kajian kerana kadar pendapatan isi rumah di Lembah Klang memenuhi kriteria dalam pemilihan responden. Hal ini demikian kerana, menurut Jabatan Perangkaan Negara (2022), pendapatan isi rumah bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan purata isi rumah tertinggi iaitu sebanyak RM 13,473. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, telah mencatatkan kadar purata isi rumah kedua tertinggi iaitu sebanyak RM 13,325, manakala bagi negeri Selangor iaitu sebanyak RM 12,233. Oleh hal yang demikian, kawasan ini sesuai bagi menjalankan kajian mengenai golongan kelas menengah.

Di samping itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada golongan kelas menengah di Lembah Klang yang berumur 30 tahun dan ke atas. Penetapan umur ini adalah kerana pada umur 30 tahun dan ke atas, seseorang individu telah matang untuk menilai dan memahami berkaitan kenegaraan di Malaysia. Selain itu, ditambah pula





dengan taraf pendidikan juga turut akan lebih membantu dalam memberi pemahaman kepada individu untuk memahami berkaitan kenegaraan di Malaysia. Hal ini demikian kerana dalam kajian ini telah meletakkan status pendidikan sebagai antara ciri-ciri kelas menengah yang perlu ada bagi individu tersebut. Pemilihan umur ini ditetapkan kerana untuk mendapatkan status kelas menengah yang mempunyai purata pendapatan isi rumah antara RM5,250 hingga RM11,819 adalah memerlukan masa khususnya bagi mereka yang baru sahaja menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Oleh itu, pemilihan umur ini dianggap bersesuaian bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Dari segi pemilihan bidang literasi kenegaraan pula, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada pengetahuan kenegaraan, penglibatan kelas menengah dan aliran pendidikan kelas menengah. Justifikasi pemilihan bidang kajian ini kerana keperluan untuk meningkatkan pengetahuan kenegaraan. Di Malaysia, terdapat kebimbangan yang semakin meningkat mengenai tahap literasi kenegaraan di kalangan rakyat. Dengan pelbagai isu sosial, politik, dan ekonomi yang dihadapi, pemahaman yang tinggi mengenai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara adalah sangat penting pada masa kini (Anuar & Nur Atiqah, 2022). Selain itu, penglibatan dalam proses demokrasi. Literasi kenegaraan yang tinggi memungkinkan rakyat untuk terlibat secara aktif dalam proses politik dan pilihan raya (Zhang & Lee, 2020). Dengan memahami bagaimana sistem pemerintahan berfungsi, rakyat lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam pemilihan dan menyuarakan pandangan serta pendapat mereka.

Oleh itu, kajian ini mampu membantu menggalakkan masyarakat untuk lebih berpartisipasi dalam proses demokrasi, yang seterusnya memperkukuh sistem politik





negara. Secara keseluruhan, pemilihan bidang literasi kenegaraan adalah penting untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pengetahuan kenegaraan dalam konteks Malaysia. Dengan memahami isu-isu yang berkaitan, kajian ini boleh memberi impak besar dalam memperkukuh sistem demokrasi serta mencipta masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berpengetahuan.

1.8 Definisi Operasional

Bahagian ini akan mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Melalui definisi operasional ini, ia mampu membantu dalam memahami istilah yang dibincangkan dan ia juga mampu mengelakkan daripada sebarang permasalahan dalam penggunaan istilah dalam kajian ini.



1.8.1 Literasi Kenegaraan

Literasi didefinisikan sebagai kecekapan dalam membaca, menulis dengan mudah dan menyeronokkan, menyampaikan idea yang penting melalui perkataan bertulis, dan memahami maklumat lisan. Tambahan pula mendedahkan bahawa seseorang yang celik huruf bahasa dapat mengikuti ucapan dan secara tidak langsung itu tercermin dalam pilihan perkataan, struktur ayat, percakapan dengan jelas, ringkas dan menyeronokkan, dan mencari kepuasan, tujuan, dan pemerolehan melalui pelbagai aktiviti celik huruf (Anna et al., 2016). Definisi ini mempunyai persamaan dengan Mahzan (2008) yang





telah mendefinisikan literasi yang merujuk kepada keupayaan seseorang untuk memahami sesuatu perkara.

Selain itu, literasi juga boleh didefinisikan sebagai kemampuan yang komprehensif, merangkumi kemahiran bukan hanya dalam membaca dan menulis, tetapi juga dalam pengetahuan, pemahaman, dan penerapan dalam pelbagai bidang. Dalam konteks yang lebih luas, literasi melibatkan keupayaan untuk memahami dan menafsirkan konsep-konsep yang kompleks dalam sesuatu bidang tertentu (Paul & Wang, 2011; Arthur, 2018; Cale & Harris, 2018; Peels, 2020).

Berdasarkan kajian lepas, istilah literasi mempunyai pelbagai definisi bergantung pada konteks dan bidang yang dibincangkan, seperti literasi media, literasi awal kanak-kanak, literasi kesihatan, dan literasi kewangan. Dalam konteks literasi politik, beberapa penyelidik telah memberi pelbagai penekanan dari segi kefahaman, kemahiran dan penglibatan dalam proses politik. Reichenbach (2018) mentakrifkan literasi politik sebagai pemahaman terhadap peranan pemimpin dalam mendidik rakyat. Sementara itu, Anjarsari (2023), Siti Fatimah Ismail dan Junaidi Awang Besar (2024), serta Mohd Sufiean et al. (2022) menekankan bahawa literasi politik merangkumi kemahiran asas untuk memahami, menganalisis, dan melibatkan diri secara aktif dalam proses politik. Ia turut melibatkan kefahaman tentang sistem politik, institusi, hak dan tanggungjawab warganegara, penilaian kritikal terhadap maklumat, serta kebolehan membuat keputusan politik secara berinformasi. Seiring dengan itu, Gita dan Yoyok (2023) menambah bahawa literasi politik juga meliputi keupayaan memperoleh maklumat mengenai isu-isu politik semasa dan penyertaan aktif dalam tanggungjawab sivik.





Oleh hal yang demikian, berdasarkan keseluruhan daripada definisi daripada pengkaji-pengkaji lepas, dapatlah ditakrifkan bahawa literasi sebagai pemahaman, keupayaan, kecekapan atau pengetahuan serta kecekapan terhadap sesuatu perkara. Takrifan untuk literasi ini diambil berdasarkan kajian lepas yang telah dilaksanakan berkaitan literasi iaitu Anna et al., (2016) dan Mahzan pula (2008). Bagi tarikan penuh literasi kenegaraan pula merujuk kepada pemahaman dan pengetahuan individu mengenai hak, tanggungjawab, sistem pemerintahan, undang-undang, dan proses politik yang ada dalam sesebuah negara. Literasi kenegaraan ini melibatkan beberapa aspek iaitu demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan dan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan.

Takrifan literasi kenegaraan ini diambil berdasarkan takrifan yang telah dibuat dalam kajian Khritish (2023) dan Zhang & Lee (2020). Takrifan ini dianggap bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Meskipun kedua-dua kajian ini tidak menggunakan istilah literasi kenegaraan dalam kajian mereka, namun penggunaan istilah lain seperti pengetahuan kenegaraan dianggap bersesuaian dalam kajian ini kerana kajian ini ingin melihat tahap pengetahuan mengenai kenegaraan Malaysia.

Literasi politik dan literasi kenegaraan adalah dua konsep yang berkait rapat, tetapi masing-masing mempunyai fokus yang berbeza. Meskipun literasi kenegaraan dilihat mempunyai persamaan dengan segi literasi politik, namun literasi kenegaraan ini bukan sahaja menumpukan aspek politik sahaja. Literasi kenegaraan adalah sebahagian daripada literasi politik yang lebih luas, dengan penekanan khusus pada pengetahuan mengenai sejarah asas negara yang berkaitan dengan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, sistem raja berperlembagaan serta sistem pemerintahan di





Malaysia. Berbeza pula dengan literasi politik iaitu memfokuskan kepada kefahaman tentang sistem politik seperti proses pilihan raya, dan penyertaan dalam politik.

1.8.2 Konsep Kelas/Kelas Menengah

Dalam kajian ini, kelas menengah telah dipilih sebagai subjek utama kajian. Hal ini demikian kerana, golongan kelas menengah ini dianggap sebagai golongan penting bagi membentuk tenaga yang boleh membantu aktiviti dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sosial. Maksud dan definisi kelas menengah dapat dilihat dari perspektif sarjana-sarjana yang berbeza. Istilah kelas ini mula digunakan dalam pembahagian populasi tamadun Roman yang berasaskan keupayaan harta untuk tujuan fizikal dan ketenteraan pada zaman tersebut (Edgell, 1993).

Menurut Edgell (1993) kelas menengah dilihat dalam tiga cara iaitu kelas pekerjaan, kelas sosial dan gabungan kedua-dua kelas pekerjaan dan kelas sosial. Kelas pekerjaan membahagikan masyarakat moden kepada dua bahagian iaitu pekerjaan manual (kelas pekerja) dan pekerjaan bukan manual (kelas menengah). Kelas sosial pula ialah merujuk kepada pemilikan harta iaitu mereka yang memiliki harta (kelas atasan) dan mereka yang tidak memiliki harta (kelas bawahan). Istilah ini digunakan oleh masyarakat moden untuk pengenalanpastian secara keseluruhan kepada satu masyarakat selepas berlakunya revolusi perindustrian di Eropah Barat.

Kerbo (2012) pula melihat kelas menengah sebagai satu kumpulan individu yang mempunyai kedudukan, fahaman politik dan keadaan ekonomi yang sama di





dalam satu-satu sistem stratifikasi sosial. Kewujudan kelas ini menunjukkan keadaan tidak setaraf dalam masyarakat. Kerbo seterusnya mengatakan bahawa kelas boleh dilihat dalam beberapa dimensi yakni pekerjaan, kuasa birokratik dan pemilikan harta. Menurut pandangan ini, jika dilihat kelas menengah melalui struktur pekerjaan, ia terletak di dalam julat pekerjaan yang mempunyai keperluan kemahiran yang tertinggi (seperti doktor, peguam, akauntan dan lain-lain) kepada pekerjaan berkemahiran sederhana (seperti guru, agen insurans, kerani pejabat dan yang setaraf dengannya).

Scott (1968) pula berpendapat bahawa kelas menengah secara konvensionalnya boleh dibahagikan kepada tiga lapisan iaitu kelas menengah atas, pertengahan dan bawah. Bagi kelas menengah atas merupakan kelas perkhidmatan atau *service class* yang terdiri daripada pengurus kanan dan para profesional. Lapisan pertengahan pula terdiri daripada pengurus muda, pentadbir dan guru manakala lapisan terbawah ialah mereka yang bekerja dalam bidang pekerjaan atau peniaga-peniaga kecil. Mereka biasanya mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan, dan perubatan, serta memiliki sedikit kelebihan untuk menikmati gaya hidup yang lebih selesa berbanding dengan golongan bawah (Krisna et al., 2017; Kuznetsova & Tupitsyn, 2014).

Menurut Karl Marx, seorang pemikir sosialis, menganggap kelas menengah sebagai golongan yang berada di antara pemilik modal (kapitalis) dan pekerja (proletariat), yang memiliki sedikit kekayaan atau modal untuk memproduksi barang tetapi juga tidak sepenuhnya bergantung pada upah pekerjaan untuk bertahan hidup. Marx menganggap kelas menengah sebagai golongan yang tidak memiliki kekuasaan





yang sebenarnya dalam struktur ekonomi, tetapi memiliki peranannya dalam menjaga stabiliti sosial (Kambali, 2020; Hendriwani, 2020).

Dari sisi lain, Max Weber memandang kelas menengah dari sudut pandang yang berbeza. Baginya, kelas menengah adalah golongan yang memiliki kesejahteraan ekonomi yang stabil, status sosial yang dihormati, dan memiliki kekuatan politik yang signifikan (Diehl, 1923; Thomas, 1998). Weber juga menekankan pentingnya pendidikan dan keterampilan profesional dalam menentukan kedudukan dalam kelas menengah (Wihardja & Cunningham, 2021). Kedua pandangan ini menyoroti perbedaan dalam cara pandang mengenai kelas menengah, dengan Marx lebih menekankan pada aspek ekonomi dan struktural, sementara Weber lebih mempertimbangkan aspek status sosial dan politik dalam definisinya.



Dalam perspektif politik, Shamsul Amri melihat kelas menengah sebagai golongan yang memiliki pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan, serta memiliki kemampuan untuk membeli barang-barang pengguna tambahan. Mereka juga cenderung memiliki akses kepada pendidikan yang lebih tinggi, mempunyai pekerjaan yang stabil, dan hidup dalam lingkungan yang lebih selamat dan selesa. Kelas menengah juga dilihat sebagai golongan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara (Shamsul Amri, 1993). Shamsul Amri menjelaskan bahawa kelas menengah bukan hanya memainkan peranan dalam aspek ekonomi dan politik, tetapi juga dalam aspek budaya dan identiti, dengan pengaruh mereka terhadap trend dan gaya hidup yang mempengaruhi keseluruhan masyarakat Malaysia.





Manakala Jomo memandangkan kelas menengah sebagai golongan yang memiliki peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Beliau menekankan bahawa kelas menengah mempunyai potensi untuk menjadi pendorong pertumbuhan ekonomi melalui pembelian domestik yang stabil, serta sumbangan mereka terhadap inovasi dan keusahawanan (Jomo, 1999). Jomo juga menyoroti kepentingan kelas menengah dalam konteks ekonomi negara, dengan penekanan pada kemampuan mereka untuk memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Malaysia. Bilangan kelas menengah dalam sesebuah negara dapat dijadikan sebagai pengukur tahap kemajuan negara berkenaan. Hal ini kerana, menurut Nordin Selat (1976), negara maju adalah negara yang memiliki bilangan kelas menengah yang ramai.

Abdul Rahman (2002) melihat kelas menengah sebagai kumpulan sosioekonomi yang berada di antara kelas atasan dan kelas pekerja. Ahli-ahli kelas menengah biasanya mempunyai taraf hidup yang selesa, dengan pendapatan yang sederhana hingga tinggi, akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial yang lain, serta sering kali memegang pekerjaan profesional atau dalam bidang pentadbiran. Mereka dicirikan oleh keupayaan untuk menikmati gaya hidup yang baik, memiliki harta, menyimpan untuk masa hadapan, dan melabur dalam pendidikan anak-anak mereka.. Menurut beliau juga, definisi kelas menengah boleh berbeza bergantung kepada faktor seperti tahap pendapatan, pendidikan, pekerjaan, dan gaya hidup, serta mungkin berbeza di antara negara dan wilayah. Oleh hal yang demikian, kelas menengah memainkan peranan penting dalam membentuk struktur sosial dan ekonomi negara, dengan peranannya sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi dan pemacu perubahan sosial.





Selain daripada itu, terdapat juga beberapa pengkaji yang telah mendefinisikan kelas menengah dari segi pendidikan. Antaranya ialah Yap Beng (1989) telah mendefinisikan kelas menengah sebagai kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat, iaitu antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawahan (yang diperintah). Pengelompokan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan juga latar belakang pendidikan yang diterima bukan lagi berdasarkan darjat keturunan atau pangkat.

Definisi ini selaras dengan definisi yang diberikan oleh Milenkova & Peicheva (2018) yang menyatakan bahawa kelas menengah dikenal pasti melalui pendidikan dan kejayaan kerjayanya. Melalui pandangan tersebut, kelas menengah dapat ditakrifkan sebagai individu yang telah berjaya dalam kerjaya mereka, dan kejayaan ini sering dipengaruhi oleh pendidikan yang mereka peroleh. Dengan pendidikan yang baik, individu dalam kelas menengah dapat memperoleh jawatan yang dihormati dalam masyarakat, yang seterusnya meningkatkan integrasi sosial dan penglibatan mereka dalam politik.

Pandangan ini turut di sokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Emmons & Noeth (2015) iaitu menyatakan bahawa kelas menengah ditakrifkan berdasarkan pendidikan, umur, dan bangsa/etnik. Menurut kajian tersebut juga pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan status kelas menengah bersama dengan faktor demografi yang lain. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini mengambil pandangan sarjana yang telah mendefinisikan kelas menengah dalam konteks pendidikan seperti Yap Beng (1989) serta Milenkova & Peicheva (2018).





Dari segi definisi berkaitan dengan nilai pendapatan, Kamal Salih mendefinisikan kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM4,000 hingga RM10,000 bagi individu tunggal, dan RM8,000 hingga RM20,000 bagi isi rumah tangga (Kamal Salih, 2016). Sementara menurut kajian Yusfida Ayu et al., (2021) mendefinisikan pendapatan isi rumah kumpulan menengah kepada pendapatan bulanan dalam lingkungan RM2,300 hingga RM10,959. Definisi ini menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, kelas menengah dianggap sebagai golongan yang mempunyai pendapatan sederhana hingga tinggi, yang membolehkan mereka untuk menikmati taraf hidup yang selesa dan akses kepada pelbagai perkhidmatan dan produk.

Dari segi nilai pendapatan, kelas menengah di Malaysia lazimnya merujuk kepada golongan yang mempunyai keupayaan kewangan sederhana hingga tinggi, membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang selesa serta akses kepada pelbagai kemudahan dan perkhidmatan. Kamal Salih (2016) mentakrifkan kelas menengah sebagai individu yang berpendapatan antara RM4,000 hingga RM10,000 sebulan dan bagi isi rumah antara RM8,000 hingga RM20,000, manakala kajian Yusfida Ayu et al. (2021) menyatakan bahawa pendapatan isi rumah bagi kelas menengah berada dalam lingkungan RM2,300 hingga RM10,959. Definisi ini bukan sahaja memberi gambaran tentang keupayaan ekonomi golongan ini, malah memperlihatkan kedudukan strategik mereka dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Menurut The World Bank (2020), golongan kelas menengah bukan sekadar aktor ekonomi, malah berperanan penting dalam memperkukuh amalan demokrasi dan kelestarian sistem pemerintahan melalui penglibatan dalam aktiviti sivil dan institusi





negara. Malah, World Bank (2018) menegaskan bahawa ekonomi yang stabil akan meningkatkan kepuasan rakyat, yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan negara dalam pelbagai aspek. Hal ini menggambarkan bahawa walaupun kelas menengah mempunyai potensi besar sebagai penyumbang kepada kestabilan politik dan ekonomi, namun peranan mereka juga dipengaruhi oleh tahap kebebasan dan kepercayaan terhadap sistem pentadbiran sesebuah negara.

Di peringkat kerajaan, berlaku beberapa pandangan berkaitan pendapatan kelas menengah. Namun, kerajaan telah merumuskan bahawa julat pendapatan kelas menengah di Malaysia ialah antara RM5,250 hingga RM11,819 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Namun, penting untuk diingat bahawa definisi kelas menengah dapat berbeza bergantung kepada parameter yang digunakan, seperti pendapatan, status sosial, dan kestabilan ekonomi. Rahimah (2012) melihat kelas menengah sebagai golongan yang mempunyai akses kepada pendapatan sederhana hingga tinggi, pendidikan yang baik, dan keupayaan untuk mengakses pelbagai perkhidmatan sosial dan kebudayaan.

Oleh itu, dalam kajian ini, kelas menengah ditakrifkan secara operasional sebagai golongan yang memiliki sekurang-kurangnya tahap pendidikan menengah tinggi iaitu meliputi kelayakan diploma, ijazah sarjana muda, kelayakan profesional, sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD). Pendidikan dianggap sebagai penanda utama keanggotaan kelas menengah kerana ia berkait rapat dengan akses kepada peluang ekonomi, kestabilan pekerjaan, dan keupayaan melabur dalam pendidikan generasi seterusnya (Albert et al., 2018; Banerjee & Duflo, 2007; Power, 2000; Vincent & Menon, 2020; Gupta, 2020; Crozier, 2015).





Selain itu, tahap pendidikan yang tinggi dalam kalangan kelas menengah juga berperanan penting dalam meningkatkan kesedaran sivik serta penglibatan politik, sekali gus menjadikan mereka penyumbang utama kepada kestabilan dan kemajuan negara (Easterly, 2001; Vogel, 2023). Selaras dengan pandangan Milenkova dan Peicheva (2018), yang mentakrifkan kelas menengah berdasarkan taraf pendidikan, definisi ini turut diperkukuhkan dengan indikator ekonomi semasa.

Namun begitu, untuk memberi kefahaman yang lebih menyeluruh, kajian ini turut mengambil kira pendapatan isi rumah. Berdasarkan data rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022), kelas menengah ditakrifkan sebagai isi rumah yang memiliki pendapatan bulanan antara RM5,250 hingga RM11,819. Justeru, takrifan kelas menengah dalam kajian ini merangkumi kedua-dua dimensi pendidikan dan pendapatan, yang bersama-sama mencerminkan identiti ekonomi, sosial dan peranan strategik golongan ini dalam masyarakat.

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama dalam tesis ini ialah membincangkan mengenai pendahuluan bab. Dalam pengenalan kajian, penyelidik memberikan gambaran awal berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji dan menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, dan organisasi kajian.





Seterusnya, dalam bab kedua pula, adalah berkenaan dengan tinjauan kajian lepas. Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan sorotan daripada beberapa kajian lepas dengan merujuk kepada bahan-bahan yang bersesuaian. Bahan-bahan ini terdiri daripada jurnal, tesis, dan artikel yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Tinjauan ini dibuat adalah untuk mengupas idea yang sedia ada bagi menyokong maklumat yang diketengahkan oleh penyelidik. Dalam bab ini juga, pengkaji juga turut mengemukakan teori yang dianggap bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Seterusnya, dalam bab tiga pula menerangkan mengenai metodologi kajian. Dalam bab ini, penyelidik menerangkan mengenai prosedur bagi menjalankan penyelidikan. Metodologi kajian dapat membantu penyelidik untuk mengenal pasti metodologi kajian yang sesuai dan tepat. Pemilihan metodologi yang tepat adalah penting bagi mendapatkan hasil kajian yang baik dan mampu mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Oleh hal yang demikian, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan kuantitatif bagi menjawab objektif kajian dalam penyelidikan ini. Dalam bab ini juga merangkumi reka bentuk kajian yang digunakan seperti teknik pengumpulan data yang digunakan untuk mengesahkan kesahihan maklumat. Di samping itu, pengkaji juga turut menyatakan kawasan kajian yang telah dipilih sebagai lokasi utama kajian ini dijalankan.

Bab empat pula adalah membincangkan dapatan data kuantitatif yang dianalisis menggunakan SPSS. Dalam bab ini, penyelidik melakukan analisis data untuk mencapai objektif dalam kajian ini. Seterusnya bagi bab lima iaitu perbincangan dan rumusan. Dalam bab ini membincangkan dapatan utama kajian, rumusan secara keseluruhan kajian ini serta cadangan lanjutan.





1.10 Rumusan

Bab ini telah menerangkan latar belakang mengenai kajian literasi kenegaraan dalam kalangan kelas menengah di Lembah Klang. Selain daripada itu, dalam kajian ini juga membincangkan secara terperinci mengenai pernyataan masalah dalam kajian ini sehingga menyebabkan kajian ini penting untuk dijalankan. Dalam bab ini juga membincangkan mengenai persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional dan juga organisasi bab.

